

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 NOVEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

## 'Subsidi ikut kelayakan pendapatan'

# 'Subsidi ikut kelayakan pendapatan'

Dari Muka 1

"Perbincangan berterusan ini menjurus kepada satu cadangan bersepadu dikemukakan kepada Jemah Menteri, November ini.

"Beberapa kaedah utama yang dibincangkan dan dipertimbangkan setakat ini boleh dirangkum kepada tiga kaedah iaitu pemberian subsidi secara bersasar mengikut kelayakan pendapatan boleh belanja bersih secara individu melalui pendekatan perlindungan sosial.

"Kedua, pemberian subsidi secara bersasar mengikut kelayakan pendapatan boleh belanja bersih secara isi rumah dan melalui pendekatan hibrid iaitu gabungan perlindungan sosial dan bantuan sosial.

"Selain itu, pemberian subsidi secara bersasar juga mengikut kelayakan pendapatan boleh belanja bersih secara isi rumah dan individu tetapi dilaksanakan menggunakan kaedah kad subsidi," katanya menjawab soalan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) mengenai subsidi bersasar dilaksanakan pada 2024 di Dewan Rakyat, semalam.

Rafizi berkata, keputusan khusus mengenai penyasaran semua subsidi, termasuk petrol dan diesel akan diumumkan mengikut garis masa ditetapkan kelak.

"Namun, pelaksanaannya ha-



Rafizi ketika soal jawab di Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

nya boleh dilaksanakan selepas tempoh pengesahan dan verifikasi maklumat isi rumah dan pendapatan dalam Pangkalan Data Utama (PADU) selesai dan dijangka dibuka kepada orang ramai pada Januari depan," katanya.

Beliau berkata, sejak 2015 sehingga 2023, jumlah subsidi dan bantuan sosial yang ditanggung kerajaan adalah sebanyak RM294.5 bilion atau 10.9 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kerajaan bagi tempoh yang sama.

negara saja dapat subsidi sebab itu dua daripada kaedah itu ialah kaedah pemindahan tunai.

"Memberikan tunai terus bulanan kepada individu atau isi rumah itu dilihat cara lebih baik daripada kita buat subsidi pukal sekarang.

"Jadi, hanya warganegara Malaysia dalam PADU saja dapat bantuan tunai ini," katanya.

Mengulas kebaikan penyasaran semula subsidi petrol dan diesel kepada negara dan rakyat, Rafizi berkata, ia akan mengukuhkan kedudukan fiskal negara bagi mencapai sasaran defisit dikurangkan kepada 3.5 peratus dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada 2025.

Katanya, kejayaan mengurangkan defisit itu dijangka akan mengurangkan hutang negara untuk mencapai sasaran pengurangan hutang seperti yang digariskan dalam belanjawan.

"Maknanya, hutang kita akan mula berkurang dari tahun 2026 ke atas...kalau tergelincir sasaran itu, tempoh masa untuk kurangkan hutang negara akan lebih panjang dan lebih susah.

"Ia juga akan mengatasi keciciran dalam pemberian bantuan dan menbaiki herotan dalam ekonomi negara termasuk dari perspektif harga dan tabiat konsumer yang tidak melambangkan situasi permintaan serta penawaran dalam ekonomi," katanya.

Katanya, Belanjawan 2024 memperuntukan RM58.1 bilion untuk membiayai pelbagai bentuk subsidi dan bantuan kepada rakyat.

### lindungi hak rakyat

Kepada soalan Datuk Awang Hashim (PN-Pendang) mengenai mekanisme supaya hanya penduduk tempatan menikmati subsidi kerajaan, Rafizi berkata, kaedah ini lebih baik untuk melindungi hak rakyat Malaysia.

"Secara automatik melalui kaedah program ini hanya warga-